

24 OCT 2003

Abang Johari-Boikot/I

MALAYSIA TIDAK TERJEJAS TANPA PELANCONG AMERIKA DAN EROPAH

MIRI, 24 Okt (Bernama) -- Gesaan kumpulan pendesak Yahudi yang berpejabat di Amerika Syarikat supaya pelabur dan pelancong negara itu memulau Malaysia, tidak akan berjaya, kata Menteri Pelancongan negeri Datuk Seri Abang Johari Openg hari ini.

Abang Johari berkata ini kerana sektor pelancongan Malaysia tidak bergantung kepada pelancong Amerika Syarikat dan Eropah.

"Kita tidak bimbang langsung (dengan ancaman kumpulan pendesak Yahudi itu) kerana sektor pelancongan Malaysia mensasarkan pelancong domestik dan serantau," katanya.

Abang Johari yang ditemui sebelum merasmikan Ragatta Teluk Miri di sini berkata industri pelancongan negara memberi tumpuan kepada pelancong serantau seperti Australia, Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong, Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei.

"Kita juga sedang meningkatkan usaha menarik pelancong dari Timur Tengah," katanya.

Abang Johari juga tidak yakin pelancong Amerika Syarikat dan Eropah akan mendengar gesaan kumpulan itu dan pastinya usaha itu akan gagal.

Pusat Simon Wiesenthal dan Pusat Rabbi Abraham Cooper membuat gesaan itu sebagai tindakan balas kepada ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa "Yahudi kini menguasai dunia menerusi proksi" pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, minggu lepas.

"Pemulauan para pelancong Amerika Syarikat atau Eropah tidak akan menjejaskan perniagaan pelancongan negara kerana pelancong serantau merupakan pelawat paling ramai ke negara ini," kata Abang Johari.

-- BERNAMA

FLL LAT